

UCAPAN

PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

**PEMBENTANGAN PERANCANGAN PELAN PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK
UTeM SEHIGGGA 2030.**

Yang Berusaha Prof. Madya Teknologis Mohd. Rahimi bin Yusoff

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Yang Berusaha LAr. Abdul Wahab bin Harun

Pengarah Pejabat Pembangunan.

Hadirin dan hadirat sekalian.

1. Pertama sekali marilah kita panjatkan saya syukur kehadrat Allah SWT kerana di atas izinNya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini bersempena Pembentangan Perancangan Pelan Pembangunan Kampus Induk UTeM sehingga 2030.
2. Pada pendapat saya, pembentangan hari ini amatlah wajar untuk dilakukan, kerana UTeM sendiri hampir memasuki tempoh dua dekad penubuhannya. Semestinya, untuk pergi lebih jauh, kita perlu merujuk dan melihat kembali perancangan asal pelan pembangunan kampus ini, supaya mana-mana projek pembangunan yang masih belum

dilaksanakan, dapat kita sama-sama rancang, seterusnya memulakan gerak kerja dan proses yang sepatutnya.

3. Pada masa ini, kita dapat lihat beberapa projek pembangunan sedang giat dilaksanakan seperti pembangunan Kompleks Dewan Kuliah, infrastuktur jalan dua lorong dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.
4. Pada Jumaat lepas, saya dan team dari Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti telah mengadakan lawatan rasmi bagi melihat kemajuan projek-projek

pembangunan yang sedang berjalan dalam kampus ini. Walaupun terdapat projek yang mempunyai kemajuan yang agak lewat daripada jadual sebenar, namun saya amat yakin setelah projek-projek ini selesai disiapkan, persekitaran kampus kita akan menjadi lebih kondusif, tersusun, dengan kemudahan yang lebih selesa untuk kesejahteraan semua warga Universiti.

5. Dengan keluasan kampus induk sebesar 726.3 ekar, saya merasakan, banyak lagi projek pembangunan yang boleh dirancangkan, dan saya amat yakin semua idea pembangunan tersebut tersenarai dalam perancangan

pembangunan sehingga tahun 2030, yang bakal dibentangkan selepas ini.

6. Walaupun semua mengetahui bahawa keperluan bajet pembangunan menjadi satu halangan utama, namun, diperingkat kita usaha berterusan tetap perlu dilaksanakan. Jika rezeki menyebelahi kita, Insya Allah, pihak Kementerian akan memberi perhatian terhadap projek-projek pembangunan yang yang kita usulkan. Walaupun kita tidak berjaya memperolehi peruntukan sepenuhnya, namun kita tetap bersyukur dengan apa juar yang telah diperuntukkan oleh Kementerian, dan kita perlu mencari penyelesaian

terbaik bagi memastikan projek pembangunan terus dilaksanakan.

7. Selain daripada itu, untuk makluman semua, pada hujung minggu ini, Universiti akan mengadakan program Retreat bersama Canselor. Suka saya kongsikan di sini, Universiti telah memberi fokus terhadap 7 hasrat atau goals, yang mana salah satu daripadanya adalah Smart and Dynamic Campus. Keperluan untuk menjadikan UTeM sebagai sebuah Kampus Sejahtera dan Kampus Pintar menjadi sasaran atau KPI yang perlu direalisasikan.

8. Justeru itu, ingin saya tekankan di sini supaya apa jua perancangan pembangunan kampus Universiti ini, hendaklah selari dengan Strategy Map Universiti 2020 – 2025 yang bakal dihasilkan nanti. Ini bagi memastikan segala perancangan pembangunan kita menjadi lebih terarah dan berfokus, sekaligus dapat mencapai hasrat yang telah dirangkakan oleh Universiti ini.

9. Saya akhiri dengan pantun,

Indah berseri bunga di taman,
Menjadi dambaan di rama-rama,

Pembangunan strategik menjadi keutamaan,
Demi kesejahteraan warga UTeM bersama.

10. Dengan itu, sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih